



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 28 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p><b>Pembunuhan Nuraina Humaira: KPWKM Beri Khidmat Sokongan, Kaunseling Kepada Keluarga</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pembunuhan-nuraina-humaira-kpwkm-beri-khidmat-sokongan-kaunseling-kepada-keluarga-485321">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pembunuhan-nuraina-humaira-kpwkm-beri-khidmat-sokongan-kaunseling-kepada-keluarga-485321</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/27/ministry-to-provide-support-counselling-to-nuraina-humaira039s-family-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/27/ministry-to-provide-support-counselling-to-nuraina-humaira039s-family-says-nancy</a></p> <p><a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2333879">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2333879</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2333893">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2333893</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682582/berita/semasa/kes-nuraina-humaira-kpwkm-beri-khidmat-sokongan-kaunseling-kepada-keluarga">https://www.sinarharian.com.my/article/682582/berita/semasa/kes-nuraina-humaira-kpwkm-beri-khidmat-sokongan-kaunseling-kepada-keluarga</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-bunuh-nuraina-kpwkm-tawar-khidmat-kaunseling-untuk-keluarga">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-bunuh-nuraina-kpwkm-tawar-khidmat-kaunseling-untuk-keluarga</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/27/kpwkm-masih-tunggu-laporan-terperinci-kes-rogol-bunuh-kanak-kanak-orang-asli">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/27/kpwkm-masih-tunggu-laporan-terperinci-kes-rogol-bunuh-kanak-kanak-orang-asli</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>The Star</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita RTM</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral

2.	<p><b>Yayasan Kebajikan Negara Malaysia Meterai Kerjasama Dengan UK-Malaysia Kecekapan Konsortium Bantu Kumpulan Sasar KPWKM</b></p> <p><a href="https://suarasarawak.my/yayasan-kebajikan-negara-malaysia-meterai-kerjasama-dengan-uk-malaysia-kecekapan-konsortium-bantu-kumpulan-sasar-kpwkm/#google_vignette">https://suarasarawak.my/yayasan-kebajikan-negara-malaysia-meterai-kerjasama-dengan-uk-malaysia-kecekapan-konsortium-bantu-kumpulan-sasar-kpwkm/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/27/pilot-project-for-entrepreneurship-training-to-kick-off-in-s039wak-next-month-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/27/pilot-project-for-entrepreneurship-training-to-kick-off-in-s039wak-next-month-says-nancy</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2333854">https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2333854</a></p> <p><a href="https://www.theborneopost.com/2024/08/27/registration-still-open-for-kecekapan-rise-programme/">https://www.theborneopost.com/2024/08/27/registration-still-open-for-kecekapan-rise-programme/</a></p> <p><a href="https://mediapermata.com.bn/yknm-uk-malaysia-kecekapan-konsortium-meterai-kerjasama/">https://mediapermata.com.bn/yknm-uk-malaysia-kecekapan-konsortium-meterai-kerjasama/</a></p> <p><a href="https://dayakdaily.com/200-usahawan-ikuti-program-kecekapan-rise/">https://dayakdaily.com/200-usahawan-ikuti-program-kecekapan-rise/</a></p> <p><a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/time-to-rise-for-marginalised-communities/">https://www.newsarawaktribune.com.my/time-to-rise-for-marginalised-communities/</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/27/kecekapan-rise-sasar-250-lagi-penyertaan-usahawan-sarawak">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/27/kecekapan-rise-sasar-250-lagi-penyertaan-usahawan-sarawak</a></p>	<p>Suara Sarawak</p> <p>The Star</p> <p>Bernamea</p> <p>Berneo Post</p> <p>Media Permata</p> <p>Dayak Daily</p> <p>New Sarawak Tribune</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral
3.	<p><b>Wanita Perlu Ada Simpanan Mencukupi Elak Terbeban Di Usia Emas</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682619/berita/nasional/wanita-perlu-ada-simpanan-mencukupi-elak-terbeban-di-usia-emas">https://www.sinarharian.com.my/article/682619/berita/nasional/wanita-perlu-ada-simpanan-mencukupi-elak-terbeban-di-usia-emas</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
4.	<p><b>Wanita Warga Emas Antara Didenda RM1,500 Kerana Menyundal</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1290760/wanita-warga-emas-antara-didenda-rm1500-kerana-menyundal">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1290760/wanita-warga-emas-antara-didenda-rm1500-kerana-menyundal</a></p>	<p>Berita Harian</p>	Neutral

	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127621/wanita-warga-emas-antara-didenda-rm1500-terbabit-aktiviti-penyundalan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127621/wanita-warga-emas-antara-didenda-rm1500-terbabit-aktiviti-penyundalan</a>	Harian Metro	
5.	<b>Atasi Isu Koc Wanita Secara Holistik Demi Keselamatan Penumpang</b>  <a href="https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2024/08/1290949/atasi-isu-koc-wanita-secara-holistik-demi-keselamatan">https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2024/08/1290949/atasi-isu-koc-wanita-secara-holistik-demi-keselamatan</a>	Berita Harian	Neutral
6.	<b>Warga Emas Patah Tulang Lengan Kiri, Ditetak Penagih Dadah</b>  <a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-patah-tulang-lengan-kiri-ditetak-penagih-dadah">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-patah-tulang-lengan-kiri-ditetak-penagih-dadah</a>	Berita RTM	Neutral
7	<b>Gadis OKU Cari Duit Jual Gambar, Video Lucah Diri Sendiri</b>  <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/gadis-oku-cari-duit-jual-gambar-video-lucah-diri-sendiri/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/gadis-oku-cari-duit-jual-gambar-video-lucah-diri-sendiri/#google_vignette</a>	Utusan	Neutral

## PEMBUNUHAN NURAINA HUMAIRA: KPWKM BERI KHIDMAT SOKONGAN, KAUNSELING KEPADA KELUARGA



*Nancy Shukri berkata KPWKM hanya mampu memberikan khidmat sokongan itu kepada ahli keluarga mangsa memandangkan siasatan kes sedang berlangsung. - Foto Bernama*

**KUCHING:** Khidmat kaunseling akan diberikan kepada keluarga Allahyarham Nuraina Humaira Rosli, seorang kanak-kanak orang kelainan upaya (OKU) yang dipercayai mati dibunuh di perkampungan Orang Asli Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Perak 16 Ogos lepas.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Nancy Shukri berkata setakat ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) hanya mampu memberikan khidmat sokongan itu kepada ahli keluarga mangsa memandangkan siasatan kes sedang berlangsung.

"Mengenai kaunseling untuk keluarga yang terlibat, adalah menjadi kebiasaan untuk memberi masa kepada keluarga mencari ketenangan sebelum mendekati mereka agar tidak membebankan mereka dengan interaksi luar.

"Pendekatan ini selaras dengan prosedur biasa yang menekankan pemberian ruang kepada keluarga untuk memproses kejadian sebelum memperkenalkan langkah sokongan tambahan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Nuraina Humaira, 10, yang cacat pendengaran serta lambam dilaporkan hilang pada 16 Ogos lepas dan mayatnya ditemui dua hari kemudian di kawasan berpaya di perkampungan Orang Asli Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Perak.

Seorang remaja lelaki berusia 17 tahun telah ditahan pada 18 Ogos lepas berhubung kes itu dan diperintahkan sebuah Mahkamah Majistret di Sungai Siput, Perak untuk direman selama tujuh hari bagi membolehkan polis melakukan siasatan lanjut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

## YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA METERAI KERJASAMA DENGAN UK-MALAYSIA KECEKAPAN KONSORTIUM BANTU KUMPULAN SASAR KPWKM



Datuk Seri Nancy Shukri (tiga kanan) menyaksikan pertukaran dokumen antara Principal Investigator UK-Malaysia Kecekapan Project, Dr Ramona Blanes (dua kanan), dengan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara, Nordina Haron (kiri), pada majlis menandatangani Nota Kerjasama antara Yayasan Kebajikan Negara dengan United Kingdom-Malaysia Kecekapan Konsortium bagi pelaksanaan Program Kecekapan RISE di Kuching, hari ini.

KUCHING: Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM) dengan UK-Malaysia Kecekapan Konsortium menandatangani Nota Kerjasama bagi melaksanakan program 'Kecekapan-Rise' untuk membantu kumpulan sasaran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

YKNM diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Nordiana Haron, manakala Dr Ramona Blanes, yang juga Principal Investigator UK-Malaysia Kecekapan Konsortium, mewakili agensi itu dalam majlis menandatangani nota tersebut.

Ia disaksikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Berucap pada majlis itu di sini hari ini, Nancy berkata program kerjasama itu bertujuan membantu kumpulan sasaran kementerian bagi meningkatkan kemahiran dalam aspek keusahawanan, literasi kewangan, pemasaran dan media sosial.

"Kecekapan membawa maksud 'Key Entrepreneurial Cognitive Education and Knowledge Advancement Project: A Network' manakala 'RISE YKN' membawa maksud 'Reaching Intellect through Social and Education (Rise)'.

"Maksud ini seiring dengan objektif penubuhan YKN, iaitu memperkasa kumpulan sasaran dalam aspek pendidikan," katanya.

Nancy, yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKNM, berkata program itu akan dijalankan melalui kursus dalam talian selama 12 minggu bermula September hingga Disember tahun ini.

Ia ditaja sepenuhnya oleh British Council dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM2 juta.

“Modul bagi kursus ini dibangunkan oleh Kecekapan Konsortium dan dilaksanakan dalam tiga pilihan bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Isyarat.

“Dalam program ini, YKN memainkan peranan untuk mengenal pasti peserta yang bersesuaian daripada kumpulan sasar KPWKM yang terdiri daripada kumpulan B40, ibu tunggal dan orang kurang upaya,” katanya.

KPWKM dalam satu kenyataan sempena majlis itu memaklumkan bahawa Kecekapan Konsortium akan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran.

Peserta yang berjaya menamatkan kursus akan memperoleh sijil penyertaan yang diiktiraf oleh UK-Malaysia Kecekapan Konsortium.

Projek rintis yang dimulakan di negeri Sarawak itu melibatkan 500 peserta. –  
BERNAMA

## **WANITA WARGA EMAS ANTARA DIDENDA RM1,500 KERANA MENYUNDAL**

MUAR: Dua wanita dengan seorang daripadanya berstatus warga emas didenda RM1,500 seorang selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret hari ini atas pertuduhan terbabit aktiviti persundalan, Khamis lalu.

Tertuduh, Chiew Kim Choi, 54, dan Chew Poh Meng, 60, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca secara berasingan di hadapan Majistret Suzana Mokhtar.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh didakwa mencari langganan bagi maksud persundalan di sebuah bilik rumah kedai, Jalan Sinar Bakri, Bakri, di sini, jam 5.15 petang, 22 Ogos lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 372B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara setahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan anggota dan pegawai dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar bersama Majlis Perbandaran Muar (MPM) serta Pejabat Daerah Muar ke rumah kedai terbabit untuk menjalankan pemeriksaan.

Hasil pemeriksaan mendapati, kedua-dua tertuduh bersama dua lelaki warga asing dipercayai pelanggan berada dalam bilik terbabit.

Dalam pemeriksaan itu juga, polis turut merampas minyak pelincir, kondom yang belum digunakan dan juga tisu basah.

Kedua-dua tertuduh ditahan selain barangan terbabit turut dirampas dan mereka kemudian dibawa ke IPD Muar untuk siasatan lanjut.

Hasil siasatan mendapati, kedua-dua tertuduh mencari langganan terhadap lelaki warga asing terbabit dengan bayaran RM50.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Aqillah Ahmad Rofaie manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM1,500 seorang dan mengarahkan kedua-duanya dipenjara dua bulan jika gagal membayar denda.